

AYAH IBU!

Sahkah taraf kami?

SUNGGUH MENGEJUTKAN, SERAMAI 152,182 ORANG ANAK TIDAK SAH TARAF, TELAH DIDAFTARKAN OLEH JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN) DALAM TEMPOH DUA TAHUN SAHAJA. INILAH STATISTIK YANG TELAH DIKELUARKAN BAGI TEMPOH 2008 HINGGA 2010.

Bermakna setiap bulan seramai 6,340 dan 211 orang dilahirkan setiap hari. Itu adalah jumlah yang didaftarkan dengan pihak JPN, bagaimana pula yang tidak berdaftar atau yang dibuang merata tempat? Besar kemungkinan menjejak ke angka dua atau tiga ratus ribu atau lebih lagi.

Inilah masalah besar yang sedang dihadapi oleh masyarakat Muslim kini. Di Malaysia, isu ini seakan-akan sudah menjadi masalah sosial yang lumrah, dan

tidak asing lagi dalam masyarakat kita. Hampir setiap masa terpampang di dada-dada media massa, kes-kes anak luar nikah yang dilahirkan, dan dibuang merata tempat tanpa belas ihsan, hanya semata-mata tidak mahu memeliharanya, atau menanggung malu atas kesalahan yang pernah dilakukan.

Begitu juga dengan kes-kes ibu hamil luar nikah, yang ditempatkan di rumah-rumah kebajikan, semakin bertambah dari masa ke semasa. Fenomena ini sememangnya sangat membimbangkan, terutama kepada generasi mendatang. Pelbagai masalah akan timbul, sekiranya anak-anak tidak sah taraf ini terus mendominasi masyarakat.



Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar

Bukan ingin menyalahkan mereka, kerana mereka tidak pernah bersalah. Bahkan mereka juga tidak ingin dilahirkan dalam keadaan seperti ini. Namun, kesilapan ibu bapalah yang menyebabkan mereka menerima implikasi yang buruk, serta tanggapan yang negatif dalam kelompok masyarakat.

Dari sudut pandangan Islam juga, kedudukan mereka tidak sama dengan anak yang sah taraf, sekalipun dia dinasabkan dengan nama bapanya. Ini kerana mereka adalah hasil dari hubungan yang haram di sisi agama, sama ada melibatkan hubungan suka sama suka atau paksa rela.

Mengulas tentang isu kedudukan anak tidak sah taraf dari kaca mata Islam, Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar, pensyarah

di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memulakan bicara mengatakan, "Punca terjadinya anak tidak sah taraf ini, disebabkan oleh perhubungan yang haram atau zina.

"Ini berlaku disebabkan masyarakat tidak mampu menjaga syahwat, nafsu dan keimanannya dengan baik. Maka isu ini yang sepatutnya menjadi keutamaan untuk dibincangkan. Sekiranya masyarakat tidak terlibat dengan hubungan yang haram ini, pastinya tidak akan wujud isu anak tidak sah taraf," ujarnya.

Tambahnya lagi, punca inilah yang perlu dibanteras dan diselesaikan sebaik mungkin, supaya masalah anak tidak sah taraf ini tidak berlarutan, dan menjadi besar untuk jangka masa yang panjang.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyuruh kita supaya jangan mendekati zina. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Isra' ayat 32 bermaksud, *"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk."*

Allah s.w.t. turut melaknat orang yang melakukan zina, dengan ditimpakan balasan azab yang sangat berat dan hina. Ia jelas dinyatakan dalam surah al-Furqan, ayat 68 dan 69, *"Dan orang-orang yang tidak mempersekutukan Allah dengan sembahannya yang lain, dan tidak membunuh orang yang diharamkan Allah, kecuali dengan alasan yang benar dan tidak berzina. Dan barang siapa yang melakukan demikian nescaya dia mendapat hukuman yang berat. Akan dilipatgandakan azab untuknya pada hari kiamat, dan dia kekal dalam azab itu dalam keadaan terhina."*

Tegasnya, walaupun Islam sangat melarang keras umatnya dari melakukan hubungan zina, akan tetapi andainya masyarakat terjebak juga dengan zina, dan melahirkan anak, maka ulama telah meletakkan beberapa peraturan yang perlu diikuti, bagi menjaga kemaslahatan anak tersebut.

"Antara peraturan yang ditetapkan, apabila seorang wanita hamil, hasil dari hubungan zina atau diro-

gol, boleh baginya berkahwin dengan lelaki yang turut berzina dengannya, ataupun dengan lelaki lain. Dalam istilah masyarakat, kita menggelarnya sebagai pak sanggup. Tujuannya bagi menutup keaiban keluarga atau wanita tersebut.

"Kemudian anak yang lahir hasil hubungan itu, boleh dinasabkan atau dibinkan dengan nama lelaki yang dikahwininya, dengan syarat ia lahir pada atau selepas enam bulan Qamari (bulan Islam) dan dua lahzah dari perkahwinannya.

"Namun sekiranya kurang dari enam bulan, iaitu baru tiga bulan berkahwin, dan wanita tersebut melahirkan anak, maka ulama sepakat mengatakan, anak tersebut tidak boleh dibinkan dengan nama suami, sekalipun mendapat persetujuan bersama," katanya.

Ulasnya, ini berdasarkan kepada kisah yang pernah berlaku pada zaman sahabat, di mana seorang wanita yang hamil tanpa nikah, bertemu dengan Saidina Ali r.a. bertanyakan tentang kedudukan anak tersebut, sama ada boleh dinasabkan dengan suaminya atau tidak. Maka Saidina Ali r.a. mengatakan boleh, dengan syarat anak tersebut lahir, selepas enam bulan mereka bernikah.

Sebab mengapa enam bulan dijadikan kayu pengukur, bagi membolehkan anak yang lahir, dinasabkan kepada lelaki yang mengahwini wanita yang hamil ini, ia berdasarkan firman Allah dalam dua surah yang berkaitan iaitu al-Ahqaf: 15 yang bermaksud, *"Tempoh mengandung sampai tempoh menceraikan susunya ialah selama 30 bulan."* Dan surah al-Baqarah: 233 pula menyebutkan, *"Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama 2 tahun penuh (24 bulan) iaitu bagi*

yang ingin menyempurnakan penyusuan."

Bermakna, 30 bulan tolak dengan 24 bulan (tempoh penyusuan) bersamaan dengan enam bulan. Dan tempoh enam bulan inilah, ulama sepakat mengatakan, ia sekurang-kurangnya tempoh kehamilan. Seandainya setelah enam bulan berkahwin, si wanita tersebut melahirkan anak, maka boleh dinasabkan dengan nama suaminya. Ini juga bertepatan dengan pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan, yang berpegang kepada pendapat Imam Syafie iaitu enam bulan qamari dua lahzah.

NASAB IBU

Menurutnya lagi, Islam telah mensyaratkan, sekiranya anak yang lahir kurang dari enam bulan tempoh perkahwinan, maka anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada suami ibunya, tetapi hendaklah dinasabkan dengan nama ibunya sendiri. Ia sebagaimana yang berlaku kepada nabi Isa yang dibinkan dengan Mariam. Sama juga keadaannya, ketika bacaan talkin kepada mayat. Tidak disebut nama bapa tetapi yang disebut ialah nama ibu, kerana hubungan yang rapat antara anak dan ibu.

"Ironinya di Malaysia, penggunaan nasab ibu tidak dilakukan, walaupun pernah menjadi isu yang hangat satu ketika dahulu. Ini kerana Majlis Fatwa berse-



Hubungan yang halal melahirkan generasi yang diredei Allah. - Gambar hiasan

menggunakan nama Abdullah atau Asma' al-Husna, iaitu nama-nama Allah s.w.t. yang sebanyak 99 bagi menggantikan nama ibu. Ini bertujuan menjaga maruah dan kehormatan si anak," jelasnya.

Sambung lagi, sekiranya suami juga mempunyai nama Abdullah, maka anak tidak boleh dinamakan sama dengan nama tersebut, tetapi pilihlah nama Allah s.w.t. yang lain dengan diletakkan Abdul pada pangkal nama Allah, supaya dapat membezakan antara anak yang tidak sah taraf, dengan anak yang halal.

Ini juga bagi mengelakkan berlaku sebarang keraguan, terutama dalam urusan wali bagi pernikahan. Perlu difahami, anak perempuan yang tidak sah taraf, tidak boleh diwalikan bapanya sekalipun telah bernasab, tetapi hendaklah berwalikan hakim.

Ujarnya, antara si anak dengan bapa tidak mempunyai apa-apa hubungan yang sah, sekalipun dinasabkan dengan nama bapa. Ia seperti hubungan ajnabi (bukan mahram) walaupun dari sudut biologi mempunyai tahap kesamaan gen. Hal ini kerana Islam tidak mengiktiraf anak tidak sah taraf sebagaimana anak yang sebenar. Jika Islam mengiktirafnya, secara tidak langsung Islam juga turut mengiktiraf perhubungan zina.

Di sisi mazhab Syafie, terdapat pandangan yang membolehkan anak tidak sah taraf, berkahwin dengan bapa kerana tiadanya hubungan mahram. Akan tetapi, mazhab Hanafi mengharamkannya, kerana ia memang keturunan hasil dari mani si bapa. Bagi mengelakkan dari khilaf ulama ini, maka seeloknya janganlah berkahwin sekalipun mazhab Syafie membenarkan.

TIDAK MEWARISI

Dari sudut pewarisan harta pula, si anak tidak boleh mewarisi sebarang harta bapa. Begitu juga, bapa tidak boleh mewarisi harta si anak. Hanya harta dari ibunya atau sebelah keluarga ibunya yang boleh diwarisi. Manakala hubungan dengan anak-anak yang lain, adalah seperti hubungan adik beradik seibu.

Tambahnya, ulama menyatakan, naf-

kah dan sara hidup bagi anak tidak sah taraf ini, tertakluk di bawah tanggungjawab ibunya. Akan tetapi, jika si ibu menolak untuk menjaga, atas sebab-sebab yang tertentu seperti tiada kemampuan, maka anak tersebut perlu dijaga oleh keluarga dari sebelah ibu, kerana itu yang lebih diutamakan. Hanya jika mereka tidak sanggup atau berkemampuan, maka jalan terakhir diserahkan kepada baitulmal sehingga anak tersebut mampu berdikari.

Dan jika berlaku kematian anak yang tidak sah taraf sebelum usia baligh, maka urusan pengebumian mengikut agama ibunya. Jika Islam ibunya maka diuruskannya secara Islam dan begitu juga sebaliknya.

Katanya lagi, istilah menasabkan anak tidak sah taraf dengan nama suami si ibu di zaman sekarang tidak sama seperti zaman para sahabat yang lalu, kerana kini terdapat ratusan ribu anak tidak sah taraf dilahirkan. Memang bagus apabila anak tersebut mempunyai tempat penempatan yang sempurna, tetapi itu bukan satu jalan penyelesaian kepada masalah ini.

Bayangkan bagaimana jika jumlah anak tidak sah taraf ini semakin bertambah, hingga mereka yang tidak diketahui nasab keturunannya saling berkahwin sesama sendiri. Bukankah ini akan merosakkan institusi masyarakat, hanya kerana kelekaan untuk mengawal hawa nafsu dan syahwat.

Nasihatnya, institusi

syarakat seharusnya peka dan mengambil tanggungjawab, bagi menyedarkan golongan remaja khususnya, supaya tidak terus terbuai dengan hawa nafsu, hingga terlanjur melakukan zina. Banyak pendekatan yang boleh dilakukan bagi mengekang pergaulan zina dari berlaku.

Kempen-kempen kesedaran agama perlu dilakukan sebanyak mungkin bagi menyedarkan masyarakat perlunya untuk kembali kepada al-Quran dan Sunnah kerana ia merawat segala akar umbi maksiat. Menggalakkan anak-anak muda supaya berkahwin awal juga, boleh mengelakkan dari perlakuan zina. Dan pihak berkuasa seharusnya memberikan bantuan bagi memudahkan mereka untuk berkahwin. Ini kerana baginda s.a.w. pernah menyatakan perkahwinan melengkapkan sebahagian dari agama, dan ia mencegah daripada zina.

Islam sendiri menyuruh umatnya untuk menjaga pandangan, kerana bermula dari pandanganlah akan bermulanya bibit-bibit maksiat dalam diri. Seandainya pandangan terjaga, secara tidak langsung masalah rogol dan zina tiada, dan jika tiada zina maka tidak akan lahir anak yang tidak sah taraf. Di sini misi dan matlamatnya, bukanlah untuk menyelamatkan bayi, tetapi menyelamatkan ibu bapa yang terlibat dengan salah laku. **A**



Hubungan anak tidak sah taraf dengan bapa adalah bukan mahram. - Gambar hiasan